

# REALITI PERMASALAHAN GOLONGAN BELIA GELANDANGAN: KAJIAN KES DI CHOW KIT, KUALA LUMPUR

(*The Reality of the Problems of Youth Homelessness: A Case Study in Chow Kit, Kuala Lumpur*)

**Nurmahfuzah Razak<sup>1</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>1</sup> & Haris Abd Wahab<sup>1</sup>**

## **Abstract**

*Analysis of the reality of the problems faced by youth homeless is one of the contributors to give further understanding of the reasons why youth homeless are still trapped in homelessness. By doing the analysis, good advocating and intervention can be planned in order to help this marginalized group to be empowered and, finally, help them to exit this vagabond lifestyle. From this paper, the result based on in-depth interviews with 22 youth homeless in Chow Kit, Kuala Lumpur, they have to face problems involved problems based on the social aspect (discrimination or social stigma and persecution of street violence) and structural aspect (documentation lost and arrested by the authorities). This qualitative paper hopefully will be indirect as a medium for youth homeless to voice out the obstacle they have to face, and hopefully, the problems of homelessness can be resolved gradually.*

## **Keywords**

*Homeless, homeless youth, homeless problem, Chow Kit, Kuala Lumpur.*

---

<sup>1</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

## **Penulis Koresponden:**

Nurmahfuzah binti Razak

Email: [ezzah\\_fuzz@yahoo.com.my](mailto:ezzah_fuzz@yahoo.com.my)

## **Pengenalan**

Golongan gelandangan merupakan sebuah kelompok komuniti kecil yang terpinggir dan rentan yang secara realitinya wujud dalam masyarakat. Golongan geladangan ini wujud berpunca daripada pelbagai faktor antaranya faktor individu (seperti terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah, menghidap penyakit berbahaya), faktor sosial (seperti konflik keluarga dan pengaruh kawan) dan faktor struktural (seperti kos rumah yang tinggi, sukar mendapat pekerjaan) (Walter, 2016 dalam Syazwani, Azlinda & Paramjit, 2019). Secara umumnya, golongan gelandangan ini dilihat sebagai masalah sosial yang wujud hampir disetiap negara sama ada di negara membangun mahupun di negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun atau Kanada. Isu gelandangan ini amat rumit yang mana permasalahan ini bukan sahaja wujud disebabkan oleh pelbagai faktor, namun secara demografi golongan gelandangan turut melibatkan mereka daripada pelbagai latar belakang dan pelbagai peringkat usia (Ku Basyirah, Mohd Suhaimi & Norulhuda, 2017). Umpamanya dalam artikel ini, kajian memberi tumpuan kepada golongan belia yang bergelandangan. Golongan belia merupakan antara golongan yang turut terpalit dengan masalah bergelandangan yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara faktor yang menyebabkan golongan belia hidup bergelandangan seperti masalah mental, terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah serta kekurangan rumah mampu milik (Better Home Fund, 2015 dalam Mohd Ramlan, Nurul Fatin, Nurhafizah & Mohd Nazir, 2019).

Menyedari akan kewujudan golongan terpinggir ini, pelbagai kajian telah dijalankan dalam memahami permasalahan yang dialami golongan gelandangan melibatkan pelbagai aspek antaranya ekonomi, psikologi, kesihatan, pendidikan dan sebagainya (Ku Basyirah et al., 2017; Muhammad Faheem & Muhammad Idris, 2017; Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017; Danarsiwi Tri Lastiwi & Nurfarawahidah, 2018; Dietrich, 2018; Nur Syuhadah & Siti Sarah, 2020). Selain itu, pelbagai bentuk bantuan turut telah disediakan oleh pihak agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) dalam memenuhi keperluan asas golongan gelandangan. Antaranya melibatkan bantuan pemberian makanan, pemeriksaan kesihatan serta pusat intervensi sosial untuk golongan gelandangan telah disediakan agar mereka dapat meneruskan kehidupan seperti masyarakat umum, berdikari dan kembali berintegrasi ke dalam masyarakat.

Dengan memahami realiti masalah yang dilalui oleh golongan belia gelandangan sepanjang hidup bergelandangan, hal ini diharap dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai hakikat kehidupan golongan belia gelandangan. Pelbagai bentuk rintangan dan halangan perlu diharungi golongan gelandangan menyebabkan bantuan yang bersesuaian perlu dirangka agar dapat menyelesaikan masalah yang dialami serta dapat membantu mengeluarkan golongan gelandangan daripada kekal hidup bergelandangan.

## Sorotan Literatur

### Golongan gelandangan

Berdasarkan kajian lepas, golongan gelandangan secara umumnya terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal atau kediaman yang tetap untuk didiami, tinggal di tempat perlindungan sementara, tinggal di jalanan atau tempat yang tidak sesuai dijadikan sebagai kediaman (bangunan terbiar, bawah jambatan) dalam suatu jangka masa (Haber & Toro, 2015; Rafiza, Jaffary, Ahmad Sunawari & Zaizul, 2016). Di Malaysia, tidak terdapat definisi gelandangan secara khusus yang digunakan secara rasmi. Namun, mengikut aspek perundangan, permasalahan gelandangan diletakkan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183). Akta ini menjadi rujukan bagi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan agensinya; iaiti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan permasalahan gelandangan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016; Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2006).

Mengikut Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183), golongan gelandangan adalah golongan papa; iaitu mereka yang mengemis, meminta sedekah di kawasan awam sehingga menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat, berpeleseran dan tidak mempunyai pekerjaan serta tidak mempunyai kediaman yang tetap (Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2006; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016; Muhammad Ammar & Mohd Anuar, 2017). Secara keseluruhannya, masih belum terdapat satu takrifan yang khusus untuk menggambarkan keseluruan isu gelandangan berikutan masalah gelandangan ini amat kompleks (Sharifah Mariam & Alifatul Kamilah, 2012).

Bagi memahami tahap kritikal permasalahan gelandangan ini, hasil statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dijadikan rujukan yang mana bermula pada tahun 2009 seramai 1,934 orang dikenalpasti sebagai gelandangan. Pada tahun 2010, seramai 1,434 orang, pada tahun 2011 seramai 1,446 orang, 2012 mencatatkan jumlah gelandangan seramai 1,223 orang. Pada tahun 2013 seramai 1,048 orang golongan gelandangan telah dikenalpasti di seluruh Malaysia dan jumlah ini terus meningkat kepada 1,469 orang pada tahun 2014. Pada tahun 2015, jumlah golongan gelandangan ini terus meningkat sebanyak 58 orang berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan seramai 1,527 orang dan pada tahun 2016 jumlah golongan gelandangan terus meningkat kepada 2,278 orang (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016 dalam Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017 dalam Muhammad Ammar Harith & Mohd Anuar, 2017). Jumlah bilangan golongan

gelandangan yang meningkat saban tahun di seluruh Malaysia menjadikan permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan.

Bagi data terkini berkenaan angka bilangan populasi gelandangan, agak sukar untuk diperolehi ekoran ketiadaan pengkalan data yang sistematik dan rasmi. Keadaan kehidupan gelandangan yang berpindah randah menyukarkan lagi proses pengumpulan data. Hanya data rawak yang disediakan oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) mampu diperoleh (Dietrich, 2018). Bagi tahun 2020, sejak penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menurut laporan akhbar berkenaan bilangan gelandangan di Malaysia mencatatkan seramai 1,283 orang gelandangan dikenalpasti yang mana 50 peratus daripada jumlah tersebut berasal dari Kuala Lumpur (Berita RTM, 2020; Sinar Harian, 2021).

Secara umumnya, golongan gelandangan ini boleh ditemui dibandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Baharu, Kuching dan George Town yang mana kebanyakkan mereka berhijrah dari seluruh negeri seperti Perlis, Kedah, Terengganu, Melaka dan sebagainya dalam usaha mendapatkan keperluan hidup yang lebih baik (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017). Di bandaraya Kuala Lumpur, kawasan-kawasan seperti di terminal bus Puduraya, Kompleks Dayabumi, Jalan Petaling atau Petaling Street, Central Market, Stesen bus Klang, Jalan Tengku Abdul Rahman, Dang Wangi, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), Mydin Kotaraya, Masjid Negara, Menara Maybank, Jalan Tengku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Silang, Masjid Jamek, Bank Negara, Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka (Sharifah Mariam & Alifatul Kamilah, 2012; Penang Institute, 2015; Muhammad Ammar Harith & Mohd Anuar, 2017) menjadi tumpuan golongan gelandangan berikutan kemudahan untuk mendapatkan pekerjaan tidak formal, makanan secara percuma serta perkhidmatan pengangkutan awam.

## **Golongan belia gelandangan**

Keterlibatan golongan belia dalam masalah bergelandangan merupakan antara perkara yang menunjukkan permasalahan gelandangan kian meruncing (Penang Institute, 2015; Muhammad Wafi & Sharifah Rohaya, 2017). Istilah belia dilihat berbeza-beza mengikut budaya, negara dan perundangan yang mana istilah belia di negara-negara barat menunjukkan usia antara usia kanak-kanak dan usia dewasa iaitu antara 12 hingga 24 tahun. Namun di Malaysia, menurut Kementerian Belia dan Sukan, istilah belia merujuk kepada mereka yang berusia 15 hingga 40 tahun namun menurut statistik, dari segi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama melibatkan mereka yang berusia 18 hingga 25 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Di Malaysia, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2015, jumlah keseluruhan golongan gelandangan dewasa dicatatkan seramai 1,353 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 442 orang telah dikenalpasti sebagai

golongan belia yang berusia dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun yang terdiri dalam kalangan lelaki dan wanita. Kumpulan umur ini mencatatkan jumlah yang tertinggi berbanding lingkungan usia yang lain (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015 dalam Muhammad Wafi & Sharifah Rohaya, 2017; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015 dalam Farrah Wahida et al, 2018b).

Menurut hasil kajian lepas, golongan belia gelandangan terdiri dalam kalangan mereka yang lari daripada rumah, belia yang dihalau dari rumah, belia jalanan, belia sistem (pernah terlibat dengan sistem kerajaan seperti tinggal di rumah kebajikan atau institusi pemulihan juvana) dan belia yang ditinggalkan yang tidak mempunyai alamat tetap dan sering berpindah dari satu tempat ke tempat lain (Edidin, Huter, Ganim & Karnik, 2012). Bagi isu gelandangan di Malaysia, kajian yang memberi tumpuan khusus kepada permasalahan bergelandangan dalam kalangan golongan belia masih terlalu sedikit atau isu terpinggir (Nur Syuhadah & Siti Sarah, 2020). Kebanyakan kajian berkenaan golongan gelandangan memberi fokus secara umum melibatkan faktor-faktor wujudnya gelandangan serta isu kesihatan dalam kalangan gelandangan (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017; Syazwani et al., 2020).

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah (2017) di George Town, Pulau Pinang mencatatkan daripada jumlah keseluruhan peserta kajian iaitu seramai 30 orang, 16 orang atau 53.3 peratus terdiri daripada mereka yang berusia 20 hingga 40 tahun. Mereka yang berusia dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 13 orang atau 43.3 peratus (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, pada tahun 2010, bilangan golongan gelandangan di Kuala Lumpur dianggarkan seramai 1,387 orang. Daripada jumlah tersebut, hampir 44 peratus merupakan terdiri daripada mereka yang dikategorikan dalam lingkungan usia golongan belia (Penang Institute, 2015). Hal ini menunjukkan isu bergelandangan dalam kalangan golongan belia merupakan isu yang turut perlu diberi tumpuan untuk membantu golongan muda terpinggir ini memperkasakan diri mereka, berdikari dan keluar daripada masalah bergelandangan.

## **Metodologi**

### **Skop kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka masalah yang dilalui golongan belia sepanjang mereka hidup bergelandangan. Tumpuan lokasi kajian dijalankan melibatkan golongan belia yang hidup bergelandangan di sekitar kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur terutamanya di Lorong Haji Taib. Chow Kit merupakan sub daerah di tengah-tengah Kuala Lumpur yang terkenal dengan perkembangan kegiatan ekonomi dan mudah

untuk diakses melalui pengangkutan awam. Namun, jalan Chow Kit turut sinonim dengan aktiviti devian pada waktu malam yang dikaitkan dengan kegiatan dadah, pelacuran serta gelandangan. Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Unit Program Khas (Kebersihan dan Gelandangan), Bahagian Perancangan Bandar, Kementerian Wilayah Persekutuan menyenaraikan 18 kawasan hotspot tempat tertumpunya golongan gelandangan berdasarkan hasil cerapan pada April 2018. Antara kawasan-kawasan yang tersenarai termasuk kawasan Tiong Nam dan Pasar Chow Kit yang terletak di dalam kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2019).

Kawasan Chow Kit menjadi tumpuan golongan gelandangan berikutan kawasan ini mudah untuk mendapatkan pekerjaan sokongan, kadar bilik sewa yang lebih murah berbanding kawasan lain di sekitar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas awam percuma iaitu Go KL City Bus, Monorel KL serta Transit kereta api ringan (LRT) aliran Ampang. Selain itu, kawasan Chow Kit turut menjadi tumpuan pihak badan bukan kerajaan (NGO) mengedarkan bantuan makanan, pakaian, barang keperluan peribadi dan mengadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Kajian ini memberi tumpuan melibatkan golongan belia yang berusia antara 18 tahun hingga 40 tahun yang hidup bergelandangan. Golongan belia merupakan aset negara dan harapan masa hadapan negara namun disebabkan oleh faktor serta permasalahan tertentu, akhirnya mereka terjebak dalam masalah bergelandangan. Pemerhatian berkenaan masalah-masalah yang dilalui oleh golongan belia gelandangan sepanjang mereka hidup bergelandangan dikenalpasti.

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk memahami pengalaman hidup melibatkan permasalah yang dilalui golongan belia gelandangan sepanjang hidup bergelandangan melalui teknik pengumpulan data temubual secara mendalam. Pendekatan kualitatif membantu pengkaji untuk meneroka makna sebenar, pandangan dan penjelasan berkenaan pengalaman kehidupan harian daripada perspektif belia gelandangan sendiri. Pendekatan kualitatif amat membantu bagi memahami persekitaran semulajadi belia yang bergelandangan. Ini kerana data kualitatif berbentuk tafsiran makna berdasarkan kata-kata dan maklumat yang disampaikan. Ini membolehkan pengkaji memahami kehidupan sosial populasi sasaran (Punch, 2013 dalam Mohajan, 2018). Pendek kata, pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji meneroka dengan lebih terperinci persekitaran semulajadi peserta kajian kerana ia membolehkan pengkaji melibatkan diri dengan pengalaman sebenar peserta kajian (Mohajan, 2018).

Dalam pendekatan kualitatif, terdapat lima bentuk metod antaranya etnografi, kajian kes, teori asas atau grounded theory, fenomenologi dan penyelidikan naratif (Lewis, 2015; Mohajan, 2018). Untuk memahami masalah yang dialami golongan belia bergelandangan dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes (case study). Kajian kes merupakan strategi penyelidikan yang membantu pengkaji memahami situasi dalam fenomena kehidupan sebenar. Strategi ini digunakan secara meluas dalam pelbagai disiplin terutama dalam bidang sains sosial seperti psikologi, sosiologi, sains politik, kerja sosial dan perniagaan (Yin, 2003 dalam Karlsson, 2016; Starman, 2013; Crowe, Cresswell, Robertson, Huby, Avery & Aziz, 2011). Kajian kes merupakan istilah umum bagi penerokaan secara mendalam ke atas seseorang individu, kumpulan atau fenomena (Sturman, 1997 dlm Mohajan, 2018).

### **Prosedur persampelan**

Kajian ini melibatkan populasi golongan belia bergelandangan di sekitar kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur yang berusia antara 18 tahun hingga 40 tahun. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 22 orang golongan belia gelandangan sebagai sampel kajian. Bagi kajian ini, teknik persampelan bukan kebarangkalian atau tidak rawak digunakan berdasarkan ciri-ciri populasi dan objektif kajian. Teknik persampelan bukan kebarangkalian ini mempunyai pelbagai bentuk teknik persampelan namun teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan teknik persampelan bola salji (*snowball sampling*) digunakan dalam kajian ini dalam memperoleh sampel kajian.

Dalam kajian ini, teknik persampelan bertujuan digunakan yang mana pemilihan sampel berdasarkan kriteria yang melibatkan golongan belia yang berusia antara 18 tahun hingga 40 tahun yang hidup bergelandangan di sekitar kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur sama ada yang tinggal di jalanan atau tinggal di bilik sewa. Selain itu, dalam mendapatkan sampel atau peserta yang memenuhi kriteria, pengkaji turut menggunakan teknik persampelan bola salji atau *snow ball sampling*. Teknik persampelan ini turut dikenali sebagai teknik persampelan berantai atau *chain sampling*. Apabila sampel yang memenuhi kriteria penyelidikan daripada populasi kajian telah dikenalpasti dan didekati, peserta kajian akan ditemubual. Untuk mendapatkan peserta kajian yang seterusnya, peserta pertama dirujuk oleh pengkaji untuk mendapatkan peserta yang memenuhi kriteria penyelidikan. Bagi mendapatkan peserta kajian yang seterusnya, cadangan daripada peserta kedua diterima dan kitaran ini berterusan hingga pengkaji mencapai sasaran jumlah peserta atau sehingga mencapai tahap ketepuan data. Kitaran ini yang membentuk persampelan berantai (Alvi, 2016). Dalam kajian ini, data mencapai tahap ketepuan pada peringkat peserta kajian ke 22 apabila corak tema yang sama berjaya dikenalpasti serta maklumat yang sama diperoleh.

Setelah peserta kajian yang memenuhi kriteria penyelidikan dikenalpasti dan bersetuju untuk ditemubual secara sukarela, pengkaji menjelaskan secara terperinci objektif kajian kepada peserta kajian sebelum sesi temubual berjalan. Keizinan untuk merekod sesi temubual turut dimaklumkan. Maklumat peribadi serta data yang dikongsi oleh peserta kajian dirahsiakan. Teknik temubual secara mendalam digunakan sebagai kaedah mendapatkan maklumat daripada sampel kajian berpandukan protokol temubual berstruktur. Soalan-soalan dirangka berdasarkan ulasan daripada bahan-bahan kajian dan literatur terdahulu. Hasil data temubual yang diperoleh dianalisa secara manual dengan menggunakan kaedah analisis tematik.

## **Dapatan dan Perbincangan**

Dalam kajian ini, seramai 22 orang golongan belia gelandangan telah ditemubual untuk berkongsi pengalaman hidup melibatkan masalah yang dilalui sepanjang hidup bergelandangan. Golongan belia gelandangan yang dipilih menjadi peserta kajian merangkumi 11 orang lelaki dan 11 orang wanita yang mana daripada jumlah keseluruhan seramai 11 orang berstatus bujang dan selebihnya berstatus berkahwin, janda atau duda. Dalam kategori kumpulan usia, seramai 14 orang peserta kajian berusia antara 18 hingga 30 tahun dan selebihnya dikategorikan dalam lingkungan usia 31 tahun hingga 40 tahun. Dalam aspek tahap pendidikan, tahap pendidikan yang paling minimum yang dimiliki peserta kajian melibatkan sijil persekolah peringkat sekolah rendah iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) seramai 4 orang manakala tahap pendidikan paling tinggi dalam kalangan peserta kajian melibatkan Diploma iaitu seramai 2 orang.

Bagi melibatkan kegiatan ekonomi, seramai 13 orang peserta kajian menyatakan mereka tidak mempunyai pekerjaan dan selebihnya melakukan pekerjaan tidak formal seperti menjual air, pembantu kedai, mengutip barang terpakai dan sebagainya. Majoriti dalam kalangan peserta kajian terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah iaitu seramai 14 orang. Keterlibatan golongan gelandangan dalam masalah penyalahgunaan dadah merupakan perkara lazim yang mana perkara ini merupakan antara kepada faktor yang menyebabkan seseorang individu bergelandangan.

### **(1) Kehilangan dokumentasi**

Berdasarkan hasil temubual secara mendalam yang dijalankan oleh pengkaji bersama 22 orang peserta kajian yang terdiri dalam kalangan golongan belia gelandangan di sekitar kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur untuk memahami realiti permasalahan yang mereka dilalui sepanjang hidup bergelandangan, hasil dapatan menunjukkan terdapat beberapa bentuk permasalahan yang mereka lalui sepanjang

hidup bergelandangan antaranya kehilangan dokumentasi, diskriminasi dan stigma masyarakat, penganiayaan atau keganasan jalanan dan ditangkap penguatkuasa.

Kehilangan dokumentasi merupakan antara permasalahan yang dialami oleh golongan belia gelandangan yang tidak dapat dielakkan. Menjadi satu kebiasaan dalam kalangan gelandangan seperti ketiadaan kad pengenalan diri, kad bank dan sebagainya yang disebabkan oleh hilang atau dicuri ketika tidur di jalanan. Gaya hidup golongan gelandangan yang tidak tetap atau sering berpindah randah serta tidak mempunyai ruang privasi sosial menyebabkan barang peribadi yang mereka miliki sukar untuk disimpan secara selamat. Permasalahan ketiadaan dokumentasi memberi kesan dan kesukaran kepada golongan gelandangan seperti mendapatkan peluang pekerjaan yang baik, melibatkan urusan perbankan serta simpanan, untuk mendapatkan bantuan saraan daripada agensi kerajaan secara bulanan dan sebagainya. Keadaan bertambah rumit apabila kos untuk membuat kad pengenalan diri yang baru terlalu mahal buat golongan gelandangan terutama buat mereka yang telah beberapa kali kehilangan kad pengenalan diri (Penang Institute, 2015).

Permasalahan ini dinyatakan oleh P2 yang mana menurut P2, beliau sudah tidak mempunyai kad pengenalan diri dari tahun 2017 lagi dan hal ini menyebabkan P2 sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang tetap. P2 memaklumkan beliau kehilangan kad pengenalan diri ketika beliau menyertai kumpulan antisosial iaitu Punk dan pada ketika itu berlakunya pergaduhan antara kumpulan Punk dengan kumpulan Skinhead.

Lepas tu sekali tu IC saya hilang tahun 2017, IC saya hilang. Akak bayang kan tahun 2017 tanpa IC sampai sekarang, tanpa IC sebab tu saya tak kerja. Saya tak ada IC, tak leh boleh buat apa-apa sebab tak ada IC. Nak pinjam duit tak boleh, nak minta ni tak boleh. Sebab apa tak ada IC. IC saya hilang 4 kali sebab hilang sebab pergaduhan antara budak Punk dengan Skinhead. Lepas tu IC saya hilang sebab tu sekarang hidup saya macam ni. Bia lah orang cakap apa pun asalkan Busu okay. Kalau saya ada IC kan saya rasa saya tak macam ni (bergelandangan) kot. Saya rasa saya boleh tolong kawan-kawan saya lagi ada lah. Lagi pun walaupun saya tak ada IC kan, saya cakap lah dengan orang kan, kalau paip bocor ke apa kan, bagi tahu. Saya boleh tolong. Sampai sekarang saya tak kumpul-kumpul lagi duit. Saya tak tahu macam mana nak kumpul kan. Bank tak ada macam mana. IC tak ada. Tu masalah nya, saya IC tak ada

(P2/ 16.3.2019/ 12.27 pagi/ Lorong Haji Taib 4)

Punca masalah kehilangan dokumentasi oleh golongan belia bergelandangan ini pelbagai, bagi P5, beliau turut mengalami masalah kehilangan kad pengenalan diri sebanyak empat atau lima kali yang mana kehilangan kali terakhir kad pengenalan P5 disebabkan oleh kad pengenalan diri serta barang peribadi dipegang oleh pihak berkuasa ketika direman atas kesalahan dadah. Permasalahan kehilangan barang peribadi seperti kad pengenalan diri ketika ditangkap dan direman oleh pihak berkuasa sering menjadi rungutan dalam kalangan belia gelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah.

IC tak ada, saya 4 kali, 5 4 kali ni IC polis tu pegang masa kena tangkap itu hari. Lepas tu nanti kau balik (keluar penjara datang ke Chow Kit) kau mari ambil. Lepas tu balik saya pergi, tak ada. Bagi surat gitu je jadi kita nak cakap macam mana. Saya kena tangkap itu hari, dia (polis) pegang (IC), reman, barang-barang kita macam IC apa biasanya, oh lokap nanti kau pergi ambil lokap. Kita pergi sana (balai). Dia bukan nak layan. Okay kena kita duduk dalam (penjara) 90 hari, 3 bulan. Kata IC tu dia pegang 3 bulan. Duduk mana dia taruk, dia cakna? nak ambil tahu?

(P5/ 23.03.2019/ 9 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Menurut P16 beliau kehilangan kad pengenalan diri disebabkan oleh kecuaian dirinya sendiri iaitu terjatuh atau tercicir akibat beliau khayal dan tertidur di jalanan setelah selesai mengambil dadah. Hal ini merupakan antara risiko yang dialami oleh golongan belia bergelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. Keterlibatan mereka dalam masalah penggunaan dadah menyebabkan mereka tidak sedarkan diri atau tidak peka akan perkara yang berlaku menyebabkan kehilangan barang peribadi yang penting seperti kad pengenalan diri merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan.

Sekali kira nak buat IC kan jadi denda tinggi. IC yang baru ni, saya pun IC hilang. Hilang juga jadi orang kata tak bohong lah tapi takut tinggi sangat denda dia sebab 3 kali ke 4 kali. Hilang ni sebabkan kecuaian, jatuh, tercicir. Benda orang kata kalau dah high (khayal) tu kadang-kadang bangun tidur tak ingat apa

(P16/ 8.5.2019/ 11.41 malam/ Lorong Haji Taib 4)

## (2) Diskriminasi dan stigma masyarakat

Diskriminasi dan stigma dalam kalangan masyarakat berkenaan permasalahan bergelandangan secara langsung memberi kesan kepada golongan gelandangan terutama dalam usaha mereka untuk melakukan perubahan diri. Mereka menjadi hilang motivasi diri atau *demotivated* dan akhirnya pasrah dengan kehidupan yang dilalui. Permasalahan stigma dan persepsi negatif masyarakat ini memberi kesan kepada individu yang dilabel. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ku Basyirah et al. (2017) golongan gelandangan yang memasuki pusat pemulihan yang disediakan oleh pihak kerajaan, mereka masih mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi yang disebabkan oleh stigma dan pandangan negatif masyarakat terhadap golongan terpinggir ini. Golongan gelandangan yang memasuki pusat pemulihan masih mempunyai perasaan bimbang akan penerimaan masyarakat terhadap diri mereka ditambah dengan penolakan oleh ahli keluarga, hal ini menyebabkan tahap kebimbangan golongan gelandangan terhadap penerimaan masyarakat keatas diri mereka semakin meningkat. Kebimbangan ini memberi kesan terhadap kefungsian diri mereka dan ini boleh menyebabkan mereka sukar untuk yakin pada diri untuk melakukan perubahan.

Permasalahan diskriminasi dan tanggapan negatif masyarakat umum kepada golongan gelandangan merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan berikutan ketidaktahuan golongan masyarakat berkenaan hakikat kehidupan golongan gelandangan seperti faktor yang menyebabkan seseorang individu akhirnya hidup bergelandangan serta permasalahan atau halangan yang dialami golongan gelandangan menyebabkan masyarakat umum lebih suka membuat penilaian dan kesimpulan berdasarkan keadaan fizikal atau lahiriah kehidupan golongan gelandangan. Situasi ini menyebabkan golongan gelandangan yang mempunyai pengharapan yang positif untuk melakukan perubahan diri atau berusaha untuk keluar daripada masalah hidup bergelandangan merasakan diri mereka dinilai dan dihukum. Ini menyebabkan mereka mudah berputus asa kerana tidak mendapatkan sokongan dan bagi yang tidak mempunyai motivasi diri, mereka akan terus kekal hidup bergelandangan (Nur Syazwani, 2016 dalam Farrah Wahida, Faudziah, Mohd Taib, Fazurah, Mohammad Yasin, Izzat Hafizuddin, Amirul Naim & Mohd Haiqal, 2018a).

Menurut P1, masyarakat beranggapan golongan gelandangan ini sebagai perosak imej negara. Bandaraya Kuala Lumpur yang maju dan sedang pesat membangun dilihat tercemar apabila di celah-celah bangunan dan di bahagian ruangan hardapan kedai terdapat beberapa kumpulan individu yang tinggal dan tidur diruangan awam. Menurut P1, masyarakat awam yang melalui atau menggunakan kemudahan yang terdapat di kawasan Chow Kit kelihatan kurang selesa dengan wujudnya golongan terpinggir seperti P1 dan rakan-rakan. Selain terkenal sebagai pusat perniagaan secara borong, di kawasan Chow Kit juga terdapat banyak pejabat-pejabat syarikat swasta dan

perbankan yang mana menjadikan pada waktu siang, Chow Kit antara kawasan yang sibuk di tengah pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Golongan gelandangan yang memilih tidur di jejantas umpamanya menyebabkan pengguna kemudahan awam tersebut berasa kurang selesa. Hal ini menyebabkan menurut P1, hanya pada waktu malam sahaja mereka boleh tidur di bahagian jejantas tetapi mereka perlu beredar sebelum orang awam mula menggunakan jejantas pada waktu siangnya. Sekiranya orang awam membuat aduan kepada pihak berwajib seperti pihak berkuasa tempatan ekoran rasa tidak selesaan, mereka yang bergelandangan boleh ditangkap dan hal ini akan menyukarkan lagi kehidupan golongan gelandangan.

Di anggap merosakkan imej masyarakat. Orang tengok ni apa beratur. Orang nak lalu pun susah. Kadang-kadang orang takut nak lalu, macam cotohnya dekat jambatan. Boleh tidur waktu malam tu. Malam takpa nak tidur sampai siang tapi siang orang kerja office kan nak lalu kat atas. Takut apa diaorang nak lalu. Diaorang baru nak naik tangga tengok ish penuh. Dia pun patah balik turun bawah so susah jalan

(P1/ 12.3.2019/ 11.55 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Menurut 14 orang peserta kajian yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah, mereka berusaha untuk melakukan perubahan diri dan cuba untuk kembali bercampur atau berintegrasi bersama masyarakat umum namun mereka sering dikecewakan apabila wujudnya tanggapan negatif dan layanan diskriminasi daripada masyarakat yang perlu mereka hadapi. Hal ini secara langsung menyebabkan mereka berasa putus asa untuk melakukan perubahan diri dan terus kekal dengan kehidupan bergelandangan dan terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. Hal ini dinyatakan oleh P5 melalui verbatim berikut.

Diaorang (NGO) kata pergi PERKIM, kita pergi. Kita penagih, diaorang tak layan. Nak pergi masjid, okay kita nak pergi masjid, kuliah kata kan lah. Kita nak pergi dengan ceramah, dia (masyarakat) tengok lain macam. Macam kita nak pergi mencuri. Bekas penagih ni tak akan lari. Saya akak tahu tak bekas penagih ni walau kita dah berhenti. Mereka tetap akan nampak "bekas" tu tapi status bekas tu maknanya (seksa)

(P5/ 23.03.2019/ 9 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Bagi P16 pula, stigma yang dilemparkan oleh anggota masyarakat secara langsung memberi kesan yang menyebabkan wujudnya perasaan berputus asa untuk melakukan perubahan diri. Menurut P16, walaupun beliau berusaha untuk berhenti daripada masalah penyalahgunaan dadah dan cuba untuk melakukan perubahan diri kearah yang lebih positif namun disebabkan masih dilabel dengan pelbagai tanggapan negatif menyebabkan P16 berasa tawar hati untuk melakukan perubahan dan menyebabkan beliau terus kekal dalam kancang penagihan dadah.

Masyarakat sekarang ni banyak yang kita jumpa walaupun kita dah cuba berhenti buat yang terbaik kan. Tapi dia tetap ah sama. Jadi orang kata elok-elok orang kata perasaan nak buat berubah jadi tawar hati. Alang-alang orang duk kata aku jahat baik aku buat. Masyarakat ni kadang-kadang kepercayaan masyarakat pada kita dia banyak menuding jari. Jadi bukan saya tak nak bercampur. Kita nak bercampur dengan diaorang tapi kepercayaan diaorang. Satu pandangan diaorang dekat kita ni ibarat orang kata kita ni kosong, tin kosong ah setakat cakap je tak buat. Tapi cuba orang kata dia bantu kita

(P16/ 8.5.2019/ 11.41 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Diskriminasi dan stigma dalam kalangan masyarakat merupakan antara hakikat kehidupan yang perlu dilalui dan diterima oleh golongan gelandangan. Kehidupan golongan terpinggir ini yang dilihat bertentangan dengan norma masyarakat secara umumnya menyebabkannya mereka akan dinilai terutama dalam kalangan masyarakat umum yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan serta maklumat berkenaan golongan gelandangan.

### **(3) Penganiayaan/ keganasan jalanan**

Tidak dinafikan antara masalah yang turut dialami oleh golongan belia bergelandangan melibatkan hal penganiayaan atau keganasan jalanan. Individu yang melalui hidup bergelandangan sering menjadi mangsa kepada jenayah ringan antaranya kecurian, rompakan, serangan fizikal, diugut serta dihina (Merrill, 2012 dalam Turner, Funge & Gabbard, 2018). Golongan gelandangan dilihat sebagai anggota masyarakat yang tidak produktif. Ini menyebabkan mereka dilayan seperti tidak layak untuk mengutarakan hak serta keperluan mereka (Belcher & DeForge, 2012 dalam Turner, Funge & Gabbard, 2018). Hal ini menjadikan golongan gelandangan terianiaya daripada pembelaan yang boleh memberi kesan melibatkan aspek psikologi dan kepercayaan.

Terdapat dalam kalangan peserta kajian yang memaklumkan mereka dianiaya atau menjadi mangsa keganasan jalanan sama ada daripada pihak rakan jalanan sendiri, orang awam serta daripada pihak berkuasa. Menurut P1, beliau pernah mengalami keganasan jalanan apabila dipukul oleh individu yang tidak dikenali ketika di jalanan.

Kena tangkap, kena pukul, kena pukul tanpa sebab pun ada.  
Pernah sekali saya kena pukul sebab senyum je. Dalam keadaan tengan stim (khayal) saya senyum kat orang tu saya senyum tiba-tiba. Kau tengok-tengok apa kau. Pom dia terus bagi (dipukul)

(P1/ 12.3.2019/ 11.55 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Menurut P13 pula, beliau turut pernah dianiaya oleh pihak berkuasa dengan menuduh beliau melakukan aktiviti haram iaitu aktiviti pelacuran. Pada tahun 2019, sebanyak tiga kali berturut-turut beliau ditangkap oleh pihak berkuasa yang pada ketika itu sedang melakukan operasi. P13 menyatakan apabila beliau turun sahaja daripada tangga dari bilik sewa, beliau terus ditahan tanpa soal siasat. Tangkapan seterusnya, P13 didakwa kerana dikatakan menawarkan perkhidmatan seks kepada pegawai bertugas. Menurut P13 beliau tidak mampu untuk membela diri ekoran rekod lampau akan diperiksa dan pihak berkuasa akan mempertikaikan penafian P13. Hal ini menyebabkan P13 berasa dirinya teraniaya yang mana terpaksa menerima hukuman atas kesalahan yang tidak dilakukan.

Tiga-tiga kali tahun ni berturut-turut..saya turun tangga tu...berdiri dekat bawah..ada orang datang..saya polis..diaorang datang tunjuk kad saya polis..yang tu sekali je...yang lain...dua kali tu..dia orang datang..diaorang terus pegang tangan..sorang daripada jauh tangkap gambar...so dekat mahkamah dia kata kita...offer kepada pegawai...macam tu...laporan dia. Diaorang (pihak berkuasa) macam kalau sekarang diaorang tahan pun kan..kita berdiri dekat bawah...diaorang tahan...simple je kerja...diaorang cek rekod...ah tu baru bulan kau kena kes pelacur...ye diaorang cakap macam tu...memang tak boleh terima lah sebab gambar je diaorang boleh buat macam tu kan...tu pun dari jauh...tu dah kira aninya dah

(P13/ 4.5.2019/ 9.36 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Menurut P17, beliau pernah dihalau oleh pihak pemilik bilik yang disewa berikutan menerima aduan daripada jiran tetangga yang menyatakan P17 dan keluarga membuat bising dan hal tersebut menganggu ketenteraman penghuni bilik sewa yang lain. P17 tinggal bersama pasangan serta anak-anak yang masih kecil. Ibu bapa serta adik P17 turut tinggal bersama menyebabkan suasana di bilik sewa mereka sentiasa ceria dan riuh dengan suara kanak-kanak. Hal ini menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penyewa yang lain dan aduan dilakukan kepada pemilik bilik sewa. Keadaan ini menyebabkan P17 bersama keluarga sering dihalau oleh pemilik bilik sewa dan mereka terpaksa hidup berpindah-randah. Situasi ini menyebabkan kehidupan P17 bersama keluarga bertambah sukar. Permasalahan ini mungkin tidak akan timbul jika P17 tinggal di sebuah rumah, namun disebabkan kadar rumah sewa yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur agak mahal serta kos pendahuluan yang tinggi menyebabkan P17 dan keluarga tidak mampu dan terpaksa memilih tinggal di bilik sewa secara beramai-ramai.

Jiran sebelah kita bising kita happy. Bising-bising pun diaorang tak suka. Lepas tu biasalah kita ramai kawan datang rumah. Tengok-tengok kata melawat kan. Diaorang tak suka, tak suka bising. Budak-budak penuh. Tak suka budak-budak menangis pun diaorang tak suka. Diaorang dah, tu menjadi punca utama dan bagi tahu tuan rumah. Keluarga ni bising sekian-sekian. Tuan rumah pun bagi alasan suruh kiteorang pindah. Tu masalah, tu jadi berpindah randah tu. Kita duduk ramai orang tak faham kita kan. Kalau duduk rumah lain, ni bilik

(P17/ 11.5.2019/ 12.00 tengah hari/ Lorong Chow Kit 4)

Penganiayaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa turut berlaku terutama dalam kalangan gelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. Hal ini dinyatakan oleh P21 yang mana walaupun pada ketika tangkapan dilakukan P21 tidak memiliki dadah namun beliau tetap juga ditahan. Apabila pihak berkuasa mendapati seseorang pesalah dadah tidak memiliki dadah bersamanya pada ketika pemeriksaan dilakukan, dadah akan diletakkan secara sengaja di dalam poket atau di tempat tinggal seperti di bilik sewa atau di bawah tilam oleh pihak berkuasa. Hal ini menyebabkan tangkapan tetap akan berlaku. Situasi yang dialami oleh P21 dikenali sebagai "belanja" dalam kalangan golongan gelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. P21 pernah terkena kes aninya ini ketika beliau berada di tempat jual beli dadah berlangsung namun pada ketika itu, beliau masih belum sempat membeli dadah tetapi tetap ditangkap dan dikenakan tuduhan memiliki dadah. Namun P21 memaklumkan

beliau terpaksa mengaku akan kesalahan tersebut bagi mendapatkan hukuman yang lebih ringan. Beliau menyatakan beliau tidak mempunyai wang untuk melawan perkara ini di mahkamah.

Polis sekarang jahat..tak ada barang pun diaorang belanja..tak ada orang nak tangkap...dia tangkap kita..dia kasi barang..tak ada barang...jalan. Tak dia memang charge..dia cakap barang kita jumpa dalam poket kita ke...ada banyak kena macam tu..yang dia buat-buat cek..eh ni apa ni..jumpa..padahal dia punya...bukan kita punya..jahat polis..banyak macam tu..dia kena banyak orang yang...terkena...saya banyak kena teraniaya macam tu. Saya kena tempat ambil barang (dadah)..saya tak sempat ambil barang lagi kan tiba-tiba saya kena tangkap..dia charge ada barang..nak tak nak kena mengaku juga lah..nak hukuman ringan kan...kita nak fight kita tak ada duit

(P21/ 13.5.2019/ 1.41 pagi/ Lorong Haji Taib 4)

#### **(4) Ditangkap penguatkuasa**

Antara masalah yang turut dialami golongan belia sepanjang mereka hidup bergelandangan adalah ditangkap oleh pihak berkuasa. Hal ini menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan belia yang bergelandangan terutama yang memilih tinggal atau tidur di jalanan. Berdasarkan aspek perundungan, isu gelandangan ini diletak di bawah peruntukan Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) yang mana akta ini diwujudkan bagi menjaga dan memulihkan orang papa dan bagi mengawal kutu rayau. Golongan papa dalam akta ini merupakan mereka yang mengemis, meminta sedekah di kawasan awam sehingga menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat, berpeleseran dan tidak mempunyai pekerjaan serta tidak mempunyai kediaman yang tetap. Akta ini membolehkan pihak pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk menahan golongan papa dengan menghantar mereka atau memasukkan mereka secara sementara ke dalam pusat jagaan atau rumah kebajikan (Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2006; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016; Muhammad Ammar Harith & Mohd Anuar, 2017).

Menurut P1, beliau pernah ditangkap oleh pelbagai agensi serta badan penguatkuasa antaranya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). P1 menyatakan beliau pernah di hantar ke Pusat Sehenti Bina Diri (PSBD), Sungai Buloh ketika operasi dilakukan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana bergelandangan. Beliau memilih menumpang tidur di bilik rakan-rakan berikutnya banyak tangkapan yang

dilakukan terutama apabila wujudnya aduan daripada orang awam. Selain itu, menurut P1 tidak dinafikan golongan gelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah berisiko tinggi akan ditangkap oleh pihak berkuasa seperti pihak polis berikutan keterlibatan mereka dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang. Pemilihan tempat bergelandangan atau tempat tidur turut boleh menjadi penyebab seseorang gelandangan ditangkap pihak berkuasa sekiranya terdapat aduan.

Kena tangkap sebab kelakuan kita orang, kelakuan satu lepas tu sebab benda kita hidap (bergelandangan dan ambil dadah) ni memang kita kena tangkap. Macam mana pun kalau polis akan tangkap kita. Dia akan bawa ke balai. Polis pun kacau pun selepas pukul 6 pukul 5 pagi, baru kacau. Ada sesetengah tempat tak boleh tidur, kita boleh tidur dekat mana-mana kita boleh tidur tapi tak boleh tidur bawah cctv. Kalau ada complain memang dia akan rush sana. Kadang-kadang saya tumpang bilik kawan saya sebab sekarang ni tak boleh. Sekarang ni susah kita nak tidur gelandangan (di jalan) ni. Banyak tangkapan. Diaorang (orang awam) akan buat complain lah, complain tu ada tangkapan. Kalau tak complain, tak ada tangkapan punya. Banyak jenis tempat saya kena tangkap. Polis, JKM, DBKL, AADK. JKM hantar. Mula-mula dia hantar dekat Sentul punya lepas tu dia hantar dekat Damansara. Dekat Seri Damansara tu kan, lepas tu waktu nak dekat sebulan tu saya dengar dia nak hantar saya pergi Mersing. Dua tahun kan. Malam tu juga lari. Saya JKM dah banyak kali masuk PSBD, Pusat Sehenti Bina Diri

(P1/ 12.3.2019/ 11.55 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Tangkapan yang dilakukan oleh pihak penguatkuasa tidak dinafikan mewujudkan perasaan takut dalam kalangan golongan belia gelandangan yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah. Namun golongan gelandangan berusaha menangani masalah ini dengan memastikan mereka bergelandangan secara bergerak atau berpindah-randah yang menyukarkan pihak berkuasa mengenalpasti tempat mereka berada. Hal ini dinyatakan oleh P5 dan P6 yang mana menurut P5, beliau lebih memilih bergelandangan secara berpindah-randah dan tidak berkumpul di sesuatu tempat. Hal ini kerana, P5 maklum akan kesalahan yang dilakukan dengan terlibat dalam masalah pengambilan dadah. Beliau lebih memilih untuk berhati-hati ketika dijalanan kerana risiko untuk ditangkap oleh pihak berkuasa amat tinggi. Manakala menurut P6 apabila

tempat yang dipilih untuk bergelandangan sering dilakukan serbuan oleh pihak berkuasa dan berasa tidak selamat, beliau akan memilih berpindah ke tempat lain yang dirasakan lebih selesa. Ini merupakan antara bentuk ikhtiar yang dilakukan oleh golongan gelandangan bagi menangani masalah ditangkap oleh pihak berkuasa dan mendapatkan kesejahteraan hidup walaupun hanya tinggal di jalanan.

Bergerak, saya jenis saya tak suka berkumpul. Ada sesetengah orang satu tempat. Saya takut sebab kita hisap (ambil dadah) kita kena berjaga-jaga sebab kita dikira pesalah. Dua kaki, satu kaki di penjara, satu kaki di pusat (pusat pemulihan). Jadi berhati-hati silap langkah (ditangkap)

(P5/ 23.03.2019/ 9.00 malam/ Lorong Haji Taib 4)

Kita orang penagih dadah biasanya tempat yang kitaorang duduk acap kali polis datang buat serbuan apa. Kita rasa dah tak selamat, kita akan cari tempat lain. Pasal kita nak keselesaan daripada pihak polis (serbuan) tak nak lah diorang kacau

(P6/ 26.03.2019/ 11.26 malam/ Lorong Haji Taib 4)

P9 juga memaklumkan beliau turut takut untuk memilih hidup bergelandangan di jalanan ekoran sering berlakunya tangkapan oleh pihak berkuasa melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Hal ini antara masalah yang dialami oleh golongan belia yang bergelandangan. Operasi daripada pihak berkuasa yang sering dilakukan menyukarkan individu seperti P9 untuk bergerak dan menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari seperti mendapatkan keperluan bekalan susu untuk anak. P9 bimbang akan ditangkap berikutan beliau terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah.

Terpaksa bergelandangan lah. Gelandangan pula sekarang jabatan kebajikan, DBKL ke, ambil (tangkap). Takut susah lah. Kejap-kejap eh operasi, nak beli susu anak, operasi. Kita tahu dah kita air kencing kita tak clear. 72 jam

(P9/ 1.4.2019/ 10.00 malam/ Lorong Chow Kit 4)

## Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh berkenaan realiti permasalahan yang dilalui golongan belia gelandangan sepanjang mereka hidup bergelandangan, terdapat pelbagai aspek yang berjaya dikenalpasti. Secara keseluruhannya, permasalahan yang dilalui golongan belia sepanjang mereka hidup bergelandangan dikategorikan melibatkan aspek sosial dan struktural. Sebagai contoh permasalahan yang dilalui seperti kehilangan dokumentasi memberi kesan kepada belia gelandangan melibatkan aspek struktural seperti sukar untuk mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan, memohon pekerjaan, mendapatkan rawatan kesihatan dan sebagainya (Mohd Alif, Siti Hajar, Norruzeyati & Noralina, 2021). Permasalahan melibatkan aspek struktural seperti kehilangan dokumentasi dan ditangkap penguatkuasa, kerjasama yang melibatkan antara badan bukan kerajaan (NGO) dengan agensi kerajaan dilihat berperanan penting dalam membantu menyelesaikan masalah yang dialami golongan gelandangan.

Umpamanya usaha pencegahan melalui penguatkuasaan dengan melakukan tangkapan keatas golongan gelandangan yang tidur di jalanan melibatkan kerjasama daripada pelbagai agensi antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihak polis dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) merupakan antara bentuk usaha kerjasama untuk menangani masalah bergelandangan serta untuk mengurangkan bilangan penagih dadah di ibu kota Kuala Lumpur. Namun penguatkuasaan secara tangkapan semata-mata tidak dapat menyelesaikan masalah melibatkan isu gelandangan berikutnya permasalahan utama golongan gelandangan iaitu tidak memiliki rumah masih tidak diselesaikan.

Bagi permasalahan yang melibatkan aspek sosial seperti permasalahan diskriminasi dan stigma masyarakat, pengkaji melihat pendedahan serta pemahaman berkenaan permasalahan gelandangan kepada masyarakat umum melalui penyelidikan, wacana atau aktiviti kesukarelawanan secara langsung dapat membantu merubah pandangan serta memberi pemahaman kepada masyarakat. Ini dilihat dapat dapat membantu masyarakat memahami serta mengenali golongan terpinggir ini secara lebih dekat. Sokongan serta bantuan kepada golongan gelandangan turut dapat disediakan. Sokongan yang diberikan oleh komuniti dapat membantu memberi keyakinan kepada seseorang individu untuk menyertai aktiviti yang akan meningkatkan keadaan kehidupan mereka (Onah, 2015 dlm. Aruma & Hanachor, 2017). Hal ini memberi galakkan kepada golongan gelandangan untuk kembali berintegrasi ke dalam masyarakat berikutan mereka dapat merasakan penerimaan serta sokongan daripada masyarakat umum. Secara fitrahnya manusia memerlukan bantuan orang lain untuk mencapai kesempurnaan. Sistem sokongan umpamanya sokongan daripada masyarakat umum kepada golongan belia gelandangan ini dilihat sebagai salah satu usaha dalam membantu mengalakkan golongan gelandangan untuk bangkit dan berusaha untuk

keluar daripada kehidupan bergelandangan (Nazneen, 2014 dlm. Rafiza, Jaffary, Ahmad Sunawari & Zaizul, 2017).

Dengan berjaya mengenalpasti serta memahami realiti permasalahan yang dilalui belia gelandangan sepanjang hidup bergelandangan serta kesan permasalahan yang dialami, intervensi yang bersesuaian serta memenuhi keperluan dapat dirangka dan dilaksanakan. Umpamanya, intervensi berbentuk pembangunan sosial merupakan antara bentuk bantuan penting dan diperlukan golongan belia gelandangan yang mana peranan ini boleh dimainkan oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) serta pekerja sosial sebagai advokator dan mediator bagi memperkasakan golongan gelandangan. Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi kontribusi kepada penambahan tumpuan kajian melibatkan golongan gelandangan dengan melihat sisi pandang yang berbeza. Dengan mengetahui situasi sebenar permasalahan yang dialami golongan gelandangan, hal ini dapat memberi pencerahan kepada pihak pelaksana, badan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam berkenaan kehidupan gelandangan.

## Kesimpulan

Dapat disimpulkan berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan terdapat pelbagai bentuk masalah yang dialami oleh golongan belia sepanjang mereka hidup bergelandangan. Antara bentuk masalah yang dilalui sama ada secara sosial (seperti diskrimiasi dan stigma masyarakat serta penganiayaan atau keganasan jalanan) atau secara struktural (seperti kehilangan dokumentasi dan ditangkap penguatkuasa). Permasalahan yang dialami sepanjang hidup bergelandangan memberi kesan kepada usaha golongan belia untuk keluar daripada masalah bergelandangan.

## Rujukan

Alvi, M. (2016). *A Manual for Selecting Sampling Techniques in Research*. Munich Personal RePEc Archive (MPRA).

Aruma, E.O & Hanachor, M. E. (2017). Abraham Maslow's Hierarchy of Needs and Assessment of Needs in Community Development. *International Journal of Development and Economic Sustainability* 5(7), 15-27.

Berita RTM. (2020, Julai 15). Kuala Lumpur Catat Jumlah Gelandangan Tertinggi di Malaysia. *Berita RTM*. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/20104-kuala-lumpur-catat-jumlah-gelandangan-tertinggi-di-malaysia>

Crowe, S., Cresswell, K., Robertson, A., Huby, G., Avery, A. & Aziz Sheikh. (2011). The Case Study Approach. *BMC Medical Research Methodology*, 11(1), 1-9.

Danarsiwi Tri Lastiwi & Nurfarawahidah Badruesham. (2018). Library for The Homeless: A Case Study of a Shelter House and a School for Homeless in Indonesia and Malaysia. IFLA WLIC Kuala Lumpur.

Dietrich, U. (2018). Homelessness in Kuala Lumpur: An Intractable Problem. *ThinkCity*, 2.

Edidin, J. P., Ganim, Z., Hunter, S. J. & Karnik, N. S. (2012). The Mental and Physical Health of Homeless Youth: A Literature Review. *Child Psychiatry and Human Development*, 43(3), 354-375.

Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, Mohd Taib Dora, Fazurah Mustaffa, Muhammad Yasin Omar Mokhtar, Izzat Hafizuddin Osman, Amirul Naim Azmi & Mohd Haiqal Mohd Hanafi. (2018a). Fenomena Gelandangan: Faktor Kebanjiran 'Komuniti Jalanan'. *Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi (UPPI): Kolej Universiti Islam Melaka*.

Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, Mohd Taib Dora, Fazurah Mustaffa, Mohammad YASIN Oamr Mokhtar, Mohd Haiqal Mohd Hanafi, Izzat Hafizuddin Osman & Amirul Naim Azmi. (2018b). *Profil Gelandangan: Satu Kajian Literatur*. Kolej Universiti Islam Melaka.

Haber, M. G. & Toro, P. A. (2015). *Homelessness Among Families, Children and Adolescents: An Ecological-Developmental Perspective*. Plenum Publishing Corporation.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Akta Orang-orang Papa* 1977. <http://www.jkm.gov.my>.

Karlsson, M. (2016). *What is a Case Study?*. Halmstad University: Academy of Business, Engineering and Science.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2019). *Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997*. <http://www.kbs.gov.my/akta-dasar/dasar.html>.

Kementerian Wilayah Persekutuan. (2019). *Hasil Cerapan Pada April 2018 Dianggarkan Kira-Kira 800 Orang Gelandangan Di Kawasan Ibu Kota*. Kementerian Wilayah Persekutuan.

Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad & Norulhuda Sarnon. (2017). Isu Gelandangan di Malaysia: Tahap Kesihatan Mental dan Kemahiran Hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue 2017)*, 119-131.

Lewis, S. (2015). Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches. *Health promotion practice*, 16(4), 473-475.

Mohajan, H. K. (2018). Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People*, 7(1), 23-48.

Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Noralina Omar. (2021). Faktor Mempenraguhi Bekas Banduan Menjadi Gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(1), 102-116.

Mohd Ramlan Mohd Arshad, Nurul Fatin Madzlan, Nurhafizah Mawi & Mohd Nazir Rabun. (2019). The Antecedents for Homelessness in Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Malaysia. *Voice of Academia (VOA)*, 15(3), 1-10.

Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2017). *Golongan Gelandangan di Malaysia Antara Perluasan Tafsiran Asnaf bnu Al-Sabil dan Al-Riqab*. Dalam Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahhuddin Din *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA.

Muhammad Amnan Hibrahim. (2021, Februari 24). Gelandangan Kini Masalah Negara. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/125405/LAPORAN-KHAS/ISU-gelandangan-kini-menjadi-satu-masalah-nasional-sejak-pandemik-Covid-19-menular>

Muhammad Fheem Mohd Dahlam & Muhammad Idris Bullare @ Bahari. (2017). Kesejahteraan Hidup dalam Kalangan Gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JpsiKS)*, 1, 53-62.

Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2017). Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94.

Nur Syuhadah Hamdan & Siti Sarah Herman. (2020). Homeless in Kuala Lumpur: A Way Out of The Street. *MAJ-Malaysia Architectural Journal*, 2(1), 17-24.

Penang Institute. (2015). *Homelessness in Our Cities*. Penang Institute.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia. (2006). *Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183)*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia.

Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab. Rahman. (2016). *Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Sosial*. UKM: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab Rahman. (2017). Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Agama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(1), 82-92.

Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah Abdul Manan. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A Case of Agenda Denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.

Syazwani Drani, Azlinda Azman & Paramjit Singh Jamir Singh. (2019). Pengetahuan Gelandangan Terhadap Peranan dan Keperluan Pekerja Sosial. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 141-154.

Syazwani Drani, Azlinda Azman & Paramjit Singh Jamir Singh. (2020). Combating Homelessness: Insights from a Homeless Population. *GEOGRAFIA*, 16 (3), 83-93.

Starman, A. B. (2013). The Case Study as a Type of Qualitative Research. *Journal of Contemporary Education Studies*, 6(1), 28-43.

Turner, M. M., Funge, S. P. & Gabbars, W. J. (2018). Victimization of the Homeless: Perceptions, Policies and Implications for Social Work Practice. *Journal of Social Work in the Global Community*, 3(1), 1-12.